

**MALAYSIA**

**DR. 6 TAHUN 2021**

**DIPERINTAH OLEH DEWAN RAKYAT UNTUK DICETAK  
14 SEPTEMBER 2021**

**PENYATA  
JAWATANKUASA DEWAN  
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**Dikemukakan oleh :**

**YANG BERTHORMAT  
DATUK AZHAR AZIZAN HARUN  
TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT**

**DR. 6 TAHUN 2021**

**MINIT MESYUARAT**

**MESYUARAT JAWATANKUASA DEWAN BIL. 6 TAHUN 2020 YANG TELAH  
DIADAKAN PADA 11.30 PAGI, KHAMIS, 17 DISEMBER 2020  
DI BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA, PARLIMEN MALAYSIA**

**YANG HADIR**

Yang Berhormat Datuk Azhar Azizan Harun - Pengerusi  
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin  
Ahli Parlimen Masjid Tanah (Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan  
Koperasi)

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman  
Ahli Parlimen Kuala Krai

Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing  
Ahli Parlimen Bintulu

Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng  
Ahli Parlimen Lanang

---

Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli  
Ahli Parlimen Lumut

Yang Berusaha Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin  
Setiausaha Dewan Rakyat – sebagai Setiausaha di bawah  
Peraturan Mesyuarat 83(8)

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim  
Ahli Parlimen Arau

**TURUT HADIR**

Yang Berhormat Dato' Takiyuddin bin Hassan  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang)

## **Parlimen Malaysia**

Encik Ali Zulfakar bin Zainal Abidin  
Setiausaha Sulit Kanan Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Cik Munirah binti Muhamed Padzil  
Penasihat Undang-Undang I

Cik Aiza binti Ali Raman  
Penasihat Undang-Undang II

Cik Farah Nurdiana binti Azhar  
Setiausaha Bahagian Hal Ehwal Ahli Parlimen

Encik Rosli bin Mat Jinun  
Penolong Pegawai Tadbir Tinggi, Bahagian Hal Ehwal Ahli Parlimen

Puan Zaini binti Yusof  
Ketua Pembantu Tadbir (Kewangan), Bahagian Hal Ehwal Ahli Parlimen

Encik Mohd Sukri bin Busro  
Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat - Urusetia

Puan Nurul Nadiha binti Zamani  
Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

## **Kementerian Kewangan**

Puan Masila binti Ya'kub  
Ketua Seksyen Dasar Saraan

## **Jabatan Peguam Negara**

Puan Noerazlim binti Saidil  
Ketua Unit Bahagian Penasihat

## **Jabatan Perdana Menteri**

Encik Daman Huri bin Nor  
Setiausaha Bahagian Seksyen Hal Ehwal Perlembagaan dan Parlimen  
Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan



## **MINIT MESYUARAT**

### **1.0 PERUTUSAN YANG BERHORMAT DATUK PENERUS**

- 1.1 Yang Berhormat Datuk Penerusi merakamkan terima kasih atas kehadiran Ahli-Ahli Yang Berhormat dan wakil-wakil kementerian dan agensi ke Mesyuarat Jawatankuasa Dewan Bil. 6 Tahun 2020 yang diadakan pada 17 Disember 2020.
- 1.2 Yang Berhormat Datuk Penerusi memaklumkan tujuan mesyuarat adalah untuk membincangkan cadangan pemberian elaun khas kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

### **2.0 PERBINCANGAN**

- 2.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa di bawah peruntukan sedia ada Kertas Statut 235 Tahun 1983 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [*Akta 237*], Ahli-Ahli Dewan Rakyat akan dibayar elaun mesyuarat bagi menghadiri persidangan Majlis Parlimen dan bagi menghadiri mesyuarat/taklimat/seminar/bengkel dan lain-lain yang dianjurkan oleh Kementerian/Agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Namun demikian, perenggan 1A(c) Kertas Statut 235 hanya membenarkan satu elaun mesyuarat sahaja dibayar kepada Ahli-Ahli Dewan Rakyat jika menghadiri kedua-duanya pada hari yang sama.
- 2.2 Mesyuarat mengambil maklum bahawa cadangan Elaun Khas Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara dibayar pada kadar RM250 kepada Penerusi, Naib Penerusi dan Ahli-Ahli PAC bagi kehadiran ke mesyuarat PAC yang diadakan semasa persidangan Majlis Parlimen. Manakala elaun ini dibayar pada kadar RM300 bagi kehadiran ke mesyuarat PAC di luar persidangan Majlis Parlimen, seperti yang diperuntukkan di subperenggan 1A(b).

- 2.3 Mesyuarat mengambil maklum bahawa elaun khas wajar diberikan berdasarkan kehadiran harian ke mesyuarat PAC semasa persidangan Majlis Parlimen berbanding secara bulanan.
- 2.4 Mesyuarat mengambil maklum bahawa cadangan pemberian elaun khas tersebut wajar dipertimbangkan berdasarkan justifikasi bahawa beban kerja Ahli-Ahli PAC lebih berat berbanding Ahli-Ahli Dewan Rakyat yang lain, terutama bagi mesyuarat PAC yang diadakan semasa persidangan Majlis Parlimen.
- 2.5 Ahli-Ahli perlu meluangkan masa sebelum, semasa dan selepas mesyuarat PAC dalam meneliti setiap isu dan prosiding yang diadakan bagi memastikan PAC dapat menjalankan tanggungjawab dengan efektif. Tambahan pula, Ahli-Ahli PAC perlu berselang-seli menghadiri persidangan Majlis Parlimen dan mesyuarat PAC pada hari yang sama.
- 2.6 Mesyuarat mengambil maklum bahawa elaun khas ini hanya diberikan kepada Ahli-Ahli PAC sahaja dan bukan kepada ahli Jawatankuasa-Jawatankuasa lain.
- 2.7 Mesyuarat mengambil maklum bahawa pindaan kepada Kertas Statut 235 Tahun 1983 perlu dibuat dan akan dibawa untuk pertimbangan Jemaah Menteri.

### **3.0 SYOR JAWATANKUASA**

- 3.1 Mesyuarat bersetuju bahawa elaun khas dibayar pada kadar RM250 kepada Pengerusi, Naib Pengerusi dan Ahli-Ahli PAC kerana menghadiri mesyuarat PAC semasa persidangan Majlis Parlimen.
- 3.2 Mesyuarat bersetuju elaun khas hanya diberikan kepada Ahli-Ahli PAC sahaja dan tidak akan diberikan kepada ahli Jawatankuasa-Jawatankuasa lain.

#### 4.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

- 4.1 Yang Berhormat Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan semua yang hadir.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.50 pagi.

Bertarikh: 8 Januari 2021



.....  
**YANG BERHORMAT DATUK AZHAR AZIZAN HARUN**  
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT /  
PENGURUSI JAWATANKUASA DEWAN



